

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/04/02 - 21

PEMBUKAAN KAUNTER DUTI SETEM DI PEJABAT SETEM CAWANGAN LHDNM MULAI 3 APRIL 2020

1. Bagi memastikan kelancaran urusan individu dan pihak-pihak yang memerlukan khidmat berkaitan duti setem, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa kaunter duti setem di 34 Pejabat Setem Cawangan (PSC) akan beroperasi semula mulai 3 April 2020.
2. Jadual operasi kaunter duti setem PSC adalah seperti berikut:

Tarikh	Negeri	Waktu Operasi
3 April 2020 sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tamat	Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak	Isnin – Jumaat: 8.00 pagi – 12.00 tengah hari Sabtu & Ahad: tutup
	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya	
	Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor	Ahad – Khamis: 8.00 pagi – 12.00 tengah hari Jumaat & Sabtu: tutup

3. Kaunter duti setem di Pusat Khidmat Hasil (PKH) dan UTC Johor **kekal ditutup** sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.
4. Keutamaan diberikan kepada urusan duti setem melibatkan:
 - i) Individu dan orang awam yang tiada ID pengguna STAMPS.
 - ii) Pembayaran duti setem ke atas notis taksiran yang tidak boleh dibuat secara dalam talian.
5. Bilangan dokumen dihadkan kepada tiga (3) dokumen sahaja pada satu-satu masa. Pembayar duti / pembawa dokumen dikehendaki mematuhi setiap peraturan PKP dan penjarakan sosial ketika hadir ke pejabat LHDNM untuk berurusan di kaunter duti setem. Hanya 5 hingga 10 orang pembayar duti / pembawa dokumen dibenarkan masuk ke kawasan kaunter dalam satu-satu masa bergantung kepada keluasan ruang kaunter PSC.
6. Pihak selain daripada individu dan orang awam boleh membuat penyeteman dalam talian melalui STAMPS di <https://stamps.hasil.gov.my>. Ejen atau wakil yang mempunyai ID STAMPS **diwajibkan** untuk mengemukakan permohonan penyeteman dan pembayaran secara dalam talian melalui STAMPS.
7. Pembayar duti / syarikat / agensi yang tiada keperluan mendesak untuk urusan duti setem diminta menangguhkan urusan sehingga tempoh PKP tamat. LHDNM telah memberikan lanjutan masa sehingga 30 April 2020 ke atas semua permohonan taksiran dan bayaran duti setem termasuk duti kompaun yang sepatutnya



disetankan atau dibayar pada 18 Mac hingga 29 April 2020 tanpa dikenakan penalti.

8. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara di atas boleh dimajukan kepada LHDNM dengan menghubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-89111100 (Luar Negara), atau melalui:

- a) HASiL Live Chat;
- b) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>;
dan
- c) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:
 - Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
 - Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

M A L A Y S I A


Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 02 April 2020



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube